

10 FEB 1998

Umno-Rafidah

KEPUTUSAN DIBUAT BERSAMA OLEH ANGGOTA MT, KATA RAFIDAH

PORT DICKSON, 10 Feb (Bernama) -- Keputusan untuk tidak menggalakkan pertandingan di peringkat bahagian Umno merupakan keputusan bersama semua anggota Majlis Tertinggi parti, kata Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz, hari ini.

Beliau berkata semua anggota Majlis Tertinggi Umno bersetuju dengan cadangan Perdana Menteri yang juga Presiden parti Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya tidak diadakan pertandingan di peringkat bahagian.

"Apa yang ditekankan Presiden parti ialah jika seseorang ketua bahagian itu adalah anggota MT, kita jangan "lawan" dia. Itu adalah nasihat yang kita (anggota MT) terima bersama.

" Mungkin ada yang merasakan dia mesti bertanding...itu kita tidak boleh nak paksa (supaya jangan bertanding) kerana tiada peraturan Umno yang boleh memaksa. Tetapi jika dalam bahagian itu sudah sepakat tiada pertandingan, oleh itu janganlah bertanding," katanya kepada pemberita selepas menutup seminar pentadbiran dan penerangan khas ekonomi semasa Umno Bahagian Telok Kemang di Kompleks Uniti, Pasir Panjang, dekat sini.

Turut hadir pada majlis itu ialah Pengerusi Badan Perhubungan Umno Negeri dan Ketua Umno Bahagian Telok Kemang yang juga Menteri Besar Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad.

Rafidah berkata pertandingan peringkat bahagian tidak digalakkan kerana negara menghadapi masalah ekonomi yang memerlukan perhatian dan tenaga sepenuhnya bagi memulihkan ekonomi.

"Kalau boleh ekonomi kita dahulukan, yang lain-lain kita ketepikan. Itulah maksud dan hasrat MT apabila kita bersetuju menggalakkan tidak ada pertandingan," katanya.

Mengenai kenyataan Ketua Pergerakan Pemuda Umno Datuk Ahmad Zahid Hamidi yang menyarankan supaya pertandingan dibenarkan di bahagian-bahagian Umno yang memerlukan perubahan pucuk pimpinan, Rafidah berkata itu adalah pandangan dan reaksi beliau. -- BERNAMA

RP NAK